

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**SOALAN : Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian dan dasar Kerajaan terhadap negara Israel. Adakah isu yang membabitkan Israel memberi kesan terhadap imej negara Malaysia dan menjelaskan hubungan diplomatik dengan negara lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Selayang atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan Malaysia sejak tahun 1978 konsisten dengan dasar luarnya terhadap isu penindasan Israel ke atas rakyat Palestin secara berterusan. Kerajaan sentiasa memberi sokongan padu kepada Palestin dan perjuangan rakyatnya baik dari segi politik, ekonomi, moral dan termasuklah juga menghulurkan pelbagai jenis bantuan.

3. Malaysia sejak dahulu lagi mengutuk sekeras-kerasnya pembinaan penempatan haram oleh Israel. Tindakan Parlimen Israel meluluskan pembinaan penempatan haram sememangnya menyalahi undang-undang antarabangsa, khususnya Resolusi 2334, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang diluluskan pada 23 Disember 2016. Kegiatan perluasan penempatan haram oleh Israel di Tebing Barat dan Jerusalem memperlihatkan pencabulan berterusan Israel ke atas hak-hak rakyat Palestin dan

penghinaan terhadap undang-undang antarabangsa. Aktiviti penempatan haram Israel mampu mengancam penyelesaian dua negara konflik ini.

4. Ingin ditekankan bahawa pendirian negara dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin adalah konsisten dan status hubungan Malaysia dengan Israel masih tidak berubah iaitu tiadanya hubungan diplomatik. Malaysia tidak akan berkompromi selagi penindasan ke atas rakyat Palestin masih berterusan dan tiada keikhlasan di pihak Israel untuk mencari penyelesaian saksama berhubung konflik Israel dengan Palestin.
5. Malaysia berpendirian bahawa penyelesaian terbaik kepada konflik Palestin-Israel boleh dicapai hanya melalui rundingan bagi memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau yang berkekalan.
6. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa kelantangan Malaysia dalam menyuarakan pendirian dan mempertahankan dasar negara terhadap Israel tidak sama sekali menjelaskan imej Malaysia mahupun hubungan diplomatik Malaysia dengan negara lain. Malah, ia telah kembali mengharumkan imej Malaysia yang disegani, di mana negara-negara lain telah mengucapkan terima kasih dan tahniah di atas pendirian Malaysia ini. Malaysia kini dilihat sebagai peneraju dalam isu memperjuangkan hak rakyat Palestin ke atas penindasan Israel.

Sekian, terima kasih.